

Wasat adalah warkah dalam talian terbitan Pergas. Diwujudkan bagi menerbitkan apa jua penulisan hasil kajian dan pemikiran yang bertemakan *wasatiyah* (kesederhanaan). Ia bertujuan menyebarluaskan idea dan menggalakkan wacana *wasatiyah* dalam kefahaman dan amalan Islam dalam konteks masyarakat Islam Singapura.

Sumbangan bahan penulisan amat dialu-alukan. Semua bahan penulisan haruslah memenuhi kriteria berikut:

- Bertemakan *wasatiyah* atau relevan dengan tema *wasatiyah*. Penyumbang boleh menulis dari apa jua sudut i.e. fiqh, akidah, akhlak, falsafah, sosio-agama, atau politik-agama asal sahaja isinya dapat dikaitkan dengan tema *wasatiyah*.
- Panjang penulisan ialah, minimum 1000 perkataan dan maksimum 2500 perkataan.

Penerbitan penulisan yang disumbangkan ialah atas budi bicara penuh pihak penyunting.

Pihak penyunting mempunyai hak untuk melakukan suntingan yang munasabah bagi bahan yang disumbangkan atas faktor-faktor bahasa atau ruang.

Untuk menyumbang, sila hantarkan penulisan anda ke [wasat@pergas.org.sg](mailto:wasat@pergas.org.sg)

**Barisan Penyunting:** Ustaz Dr. Mohamed Qusyary Thaha, Ustaz Irwan Hadi Mohamad Shuhaimi, Ustaz Muhammad Haniff Hassan, Puan Sundusia Rosdi **Grafik / halaman web / pembantu teknikal:** Ustazah Nurhafizah Azman

## Edisi (Edition) no. 44 / Jun 2022

### Kandungan

- Dari meja penyunting... (mukasurat 2)
- Wasatiyah Dalam Penggunaan Kaedah: Keluar Dari Khilaf Adalah Digalakkan**, oleh Ustaz Dr. Mohammad Rizhan Bin Leman (mukasurat 3)
- Garis Panduan Fuqaha' Dalam Berinteraksi Dengan Perbezaan Pendapat**, oleh Ustaz Dr. Muhammad Adib Termizi (mukasurat 4)
- Six Excellent Attributes of Muslim Activist**, by Ustaz Muhammad Haniff Hassan (page 9)

Nota: Hakcipta penerbitan artikel ini dimiliki oleh Pergas. Tidak dibenarkan mengulang cetak artikel ini di mana-mana wadah penerbitan lain dan dalam apa jua bentuk tanpa izin dari Pergas. Namun, keizinan diberikan untuk mengongsi artikel ini melalui alamat url yang asal.

Segala pendapat yang dikemukakan oleh para penulis artikel adalah milik penulis dan tidak mewakili pendirian rasmi Pergas, kecuali jika dinyatakan sedemikian secara tersurat oleh Pergas.

<https://blog.pergas.org.sg/wasat/>



 FOLLOW US
 <a href="http://www.facebook.com/Pergas.Singapore">www.facebook.com/Pergas.Singapore</a>
 <a href="http://www.twitter.com/pergas_spore">www.twitter.com/pergas_spore</a>
 <a href="http://www.youtube.com/PergasSingapura">www.youtube.com/PergasSingapura</a>
 <a href="http://instagram.com/Pergassingapura">instagram.com/Pergassingapura</a>



Dari meja penyunting....

Alhamdulillah, *Wasat* no. 44 / Jun 2022 dapat diterbitkan untuk terus berkongsi dengan pembaca artikel-artikel bermanfaat.

Semoga Allah taala memberkati usaha kecil ini dan menjadikannya sebagai amal soleh di sisiNya dan para pembaca pula dikurniakan taufiq untuk beroleh manfaat pula dari usaha kecil ini.

Untuk edisi ini, *Wasat* masih mampu menerbitkan tiga artikel untuk bacaan pembaca. Alhamdulillah.

Artikel pertama ialah sumbangan Ustaz Dr. Mohammad Rizhan Bin Leman yang bertajuk


**Wasatiyah Dalam Penggunaan Kaedah: Keluar Dari Khilaf Adalah Digalakkan.** Artikel ini memperkenalkan satu kaedah fiqh yang digunakan oleh para ulama dalam menangani masalah khilafiyah. Kaedah fiqh ini ialah, *Al-Khuruj Min Al-Khilaf Mustahab* (Keluar dari khilaf adalah disukai). Penulis memberi lima contoh penggunaan kaedah ini dan tiga panduan bagi memastikan penggunaan yang *wasatiy* bagi kaedah ini.


Artikel kedua pula bertajuk **Garis Panduan Fuqaha' Dalam Berinteraksi Dengan Perbezaan Pendapat**, tulisan Ustaz Dr. Muhammad Adib Termizi. Penulis membincarakan tentang garis panduan dalam berhadapan dengan pelbagai pendapat ulama yang berbeza-beza dalam masalah fiqh dalam konteks:

- perbezaan pendapat dalam amalan individu
- perbezaan pendapat antara masyarakat atau kelompok dalam masyarakat
- perbezaan pendapat dengan fatwa rasmi.

Artikel ketiga adalah artikel berbahasa Inggeris bertajuk, **Six Excellent Attributes of Muslim Activist**, oleh Ustaz Muhammad Haniff Hassan. Penulis menghuraikan tiga sifat asasi dan enam sifat tambahan bagi aktivis dakwah untuk cemerlang dalam usaha dakwahnya. Baca artikel ini bagi mengetahui apakah sifat-sifat ini.

Selamat membaca.  
Bacalah dengan nama Tuhanmu....





## **Wasatiyah Dalam Penggunaan Kaedah: Keluar Dari *Khilaf* Adalah Digalakkan**

Oleh Ustaz Dr. Mohammad Rizhan Bin Leman

### **Pendahuluan**

Perbezaan pandangan mengenai isu-isu fiqah di kalangan umat Islam bukan satu perkara yang baharu. Ia telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w.

Salah satu kaedah yang digunakan dalam kitab-kitab para ulama dan perbincangan berkaitan isu-isu fiqah yang diperselisihkan hukumnya adalah sebuah kaedah yang berbunyi *Al-Khuruj Min Al-Khilaf* (*Keluar dari perselisihan adalah disukai*). Sebahagian para ulama pula berkata *Al-Khuruj Min Al-Khilaf Awla Wa Afdal* (*Keluar dari perselisihan lebih utama dan baik*). Maksud kaedah ini adalah keluar dari *khilaf* iaitu isu-isu yang diperselisihkan adalah digalakkan dan lebih utama.

### **Contoh penggunaan kaedah *Al-Khuruj Min Al-Khilaf Mustahab***

Berikut adalah beberapa contoh penggunaan kaedah *Al-Khuruj Min Al-Khilaf Mustahab* di sisi ulama.

Pertama, apabila para ulama berbeza pandangan dalam satu isu antara haram dan *mubah* (dibenarkan), maka cara keluar dari *khilaf* dalam isu tersebut adalah dengan meninggalkannya.

Sebagai contoh, para ulama berbeza pandangan mengenai hukum orang yang mendirikan solat jemaah bersendirian di dalam saf tanpa ada keuzuran. Sebahagian ulama berpendapat perbuatan tersebut membatalkan solat, manakala sebahagian yang lain berpendapat perbuatan tersebut adalah sah tetapi makruh.

Cara keluar dari *khilaf* dalam isu ini adalah dengan meninggalkan perbuatan mendirikan solat jemaah bersendirian di dalam saf sekiranya tidak terdapat keuzuran kerana meraikan pandangan yang mengatakan bahawa perbuatan tersebut membatalkan solat.<sup>1</sup>

Kedua, apabila para ulama berbeza pandangan dalam satu isu antara wajib dan *mubah* (dibenarkan), maka cara keluar dari *khilaf* dalam isu tersebut adalah dengan melakukan perbuatan tersebut.

Sebagai contoh, para ulama berbeza pandangan mengenai waktu berpuasa tujuh hari bagi golongan yang melakukan haji *Tamattu'*. Sebahagian ulama berpandangan bahawa puasa tujuh hari tersebut tidak boleh dilakukan di kota Mekah dan wajib dilakukan setelah pulang ke tanahair manakala sebahagian ulama lain berpandangan boleh dilakukan puasa di kota Mekah setelah selesai melaksanakan ibadah haji. Cara keluar dari *khilaf* dalam isu ini adalah dengan berpuasa tujuh hari tersebut setelah pulang ke tanahair kerana meraikan pandangan yang tidak membenarkan puasa tujuh hari tersebut dilakukan di kota Mekah.<sup>2</sup>

Ketiga, apabila para ulama berbeza pandangan dalam satu isu antara wajib dan sunnah, maka cara

keluar dari *khilaf* dalam isu tersebut adalah dengan melakukan perbuatan tersebut.


Sebagai contoh, para ulama berbeza pandangan mengenai kadar bahagian kepala yang wajib disapu ketika berwuduk. Sebahagian ulama berpandangan wajib disapu seluruh kepala. Sebahagian yang lain pula berpandangan bahawa menyapu sebahagian kepala sudah memadai. Cara keluar dari *khilaf* dalam isu ini adalah dengan menyapu seluruh kepala ketika berwuduk kerana meraikan pandangan yang mewajibkan menyapu seluruh kepala.<sup>3</sup>

Keempat, apabila para ulama berbeza pandangan dalam satu isu antara sunah *muakkadah*, sunah dan *mubah*, maka cara keluar dari *khilaf* dalam isu tersebut adalah dengan melakukan perbuatan tersebut.

Sebagai contoh, para ulama berbeza pandangan mengenai hukum akikah. Sebahagian ulama berpandangan bahawa hukum akikah adalah sunah *muakkadah*, sebahagian berpandangan hukumnya sunat dan ada juga di yang berpandangan bahawa hukumnya adalah *mubah*. Cara keluar dari *khilaf* dalam isu ini adalah dengan melakukan akikah kerana meraikan pandangan ulama yang mengatakan bahawa hukumnya adalah sunah *muakkadah*.<sup>4</sup>

Kelima, apabila para ulama berbeza pandangan dalam satu isu antara *mubah* dan *makruh*, maka cara keluar dari *khilaf* dalam isu tersebut adalah dengan meninggalkan perbuatan tersebut.

Sebagai contoh, para ulama berbeza pandangan mengenai hukum mencium ketika sedang berpuasa bagi golongan yang yakin bahawa dia tidak akan melakukan perkara yang boleh membatalkan puasa. Sebahagian ulama berpandangan perbuatan tersebut adalah dibenarkan, tapi sebahagian yang lain berpandangan perbuatan tersebut adalah makruh. Cara keluar dari *khilaf* dalam isu ini adalah dengan meninggalkan



perbuatan tersebut ketika sedang berpuasa walaupun seorang itu merasa yakin bahawa dia tidak akan melakukan perkara yang boleh membatalkan puasa kerana meraikan pandangan yang mengatakan perbuatan tersebut adalah makruh.<sup>5</sup>

### Pendekatan *wasatiy*

Dari satu sudut, penggunaan kaedah *Al-Khuruj Min Al-Khilaf Mustahab* mempunyai

kesan yang baik iaitu memelihara kesatuan dan perpaduan di kalangan pengikut mazhab-mazhab fiqah yang pelbagai, namun perlu ditekankan bahawa menurut golongan ulama yang menerima kaedah ini, kaedah ini bukan perlu diamalkan dalam semua keadaan.

Terdapat beberapa garis panduan yang digariskan oleh para ulama sebelum mengamalkan kaedah ini. Sebahagian garis panduan ini disepakati manakala sebahagian yang lain diperselisihkan. Berikut adalah beberapa garis panduan beramal dengan kaedah ini.

Pertama, dalil yang dijadikan sebagai sandaran merupakan dalil yang kuat.

Contohnya, ialah perbezaan antara mazhab Shafi'ii dan Zahiri tentang hukum berpuasa ketika bermusafir bagi yang tidak merasakan kesukaran berpuasa. Menurut para ulama mazhab Shafi'ii, berpuasa dalam keadaan ini adalah *mustahab*, tapi mazhab Zahiri berpendapat wajib berbuka dalam keadaan sedemikian. Dalam isu ini, para ulama mazhab Shafi'ii tidak menerapkan kaedah *Al-Khuruj Min Al-Khilaf Mustahab* kerana, menurut mereka, dalil mazhab Zahiri dalam isu ini tidak kukuh.<sup>6</sup>

Kedua, meraikan *khilaf* tidak menghalang seseorang daripada melakukan ibadah.

Contohnya ialah, perbezaan antara mazhab Shafi'ii dan Maliki mengenai hukum melakukan umrah

lebih dari sekali dalam setahun. Menurut mazhab Maliki, hukumnya adalah makruh manakala menurut mazhab Shafii<sup>7</sup>, tidak makruh. Dalam isu ini, para ulama mazhab Shafii tidak menerapkan kaedah *Al-Khuruj Min Al-Khilaf Mustahab* kerana penerapan kaedah ini akan menghalang seseorang daripada melakukan ibadah.<sup>8</sup>

Ketiga, meraikan *khilaf* tidak membawa kepada meninggalkan suatu sunnah yang telah sabit.

Contohnya ialah, perbezaan antara mazhab Shafii dan Imam Abu Hanifah tentang hukum mengangkat tangan ketika rukuk dan iktidal. Menurut para ulama mazhab Shafii, hukumnya adalah sunah, tapi Imam Abu Hanifah berpendapat tidak disunahkan melakukan sedemikian. Dalam isu ini, para ulama mazhab Shafii tidak menerapkan kaedah *Al-Khuruj Min Al-Khilaf Mustahab* kerana penerapan kaedah ini akan membawa kepada meninggalkan apa yang dianggap sunah Rasulullah s.a.w di sisi mereka.<sup>8</sup>

### Kesimpulan

Kaedah *Al-Khuruj Min Al-Khilaf Mustahab* adalah sebuah kaedah yang diterima oleh para ulama silam dan kontemporari.

Kaedah ini menggalakkan huraihan pada masalah *khilafiyah* dengan keluar dari perkara yang diperselisihkan.

Bagi menyimpulkan penerangan di atas, rajah di bawah dikemukakan untuk membantu dan memudahkan kefahaman bagi penggunaan kaedah *Al-Khuruj Min Al-Khilaf Mustahab*.

Contoh	Pendapat Pertama	Pendapat Kedua	Pendapat Ketiga	Cara keluar dari khilaf
1	Haram	Mubah	-	Meninggalkannya
2	Wajib	Mubah	-	Melakukannya
3	Wajib	Sunnah	-	Melakukannya
4	Sunnah Muakkadah	Sunnah	Mubah	Melakukannya
5	Mubah	Makruh	-	Meninggalkannya

Perlu ditekankan di sini bahawa kaedah ini diamalkan bukan dalam semua keadaan apabila wujud perselisihan pandangan di kalangan para ulama antara yang membenarkan sesuatu perkara dan yang melarangnya. Sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, terdapat beberapa garis panduan yang diletakkan oleh para ulama sebelum mengamalkan kaedah ini.

Para mufti, para ulama dan majlis fatwa di setiap negara bertanggungjawab membimbing dan memberikan panduan keagamaan kepada masyarakat masing-masing. Sekiranya mereka berpandangan bahawa penerapan kaedah *Al-Khuruj Min Al-Khilaf Mustahab* dalam sebahagian keadaan kurang memberikan kemaslahatan kepada masyarakat atau boleh membawa kepada kesan yang kurang baik kepada masyarakat, tidak sewajarnya kaedah ini diterapkan dalam keadaan tersebut kerana, sejak berkurun-kurun lamanya, para ulama telah mengingatkan bahawa memikirkan kesan di sebalik sebuah fatwa, samada membawa kemaslahatan atau keburukan kepada masyarakat, adalah sebuah prinsip yang penting dalam pengeluaran fatwa.

<sup>1</sup> Muhammad Al-Zuhayli (2009), *Al-Qawai`d Al-Fiqhiyyah Wa Tatbiqatuhu Fi Al-Mazahib Al-Arba`ah*, Damsyik: Dar Al-Fikr, jld. 2, ms. 719.

<sup>2</sup> Lembaga Fatwa Dar Al-Ifta' Mesir (2017), *Fiqh Nawazil: Standar Berfiqh Dalam Perbedaan Fatwa*, Jawa Barat: Keira Publishing, ms. 112-3.

<sup>3</sup> Abd Al-Majid Mahmud (t.t.), *Al-Khuruj Min Al-Khilaf: Maftumuh Wa Dawabituh Fi Al-Fiqh Al-Islami*, t.t:t.p, ms. 237.


<sup>4</sup> Lembaga Fatwa Dar al-Ifta Mesir (2017), ms. 113-4.

<sup>5</sup> Ibid., 114.

<sup>6</sup> Jalal Al-Din Al-Suyuti (t.t.), *Al-Ashbah Wa Al-Naza`ir Fi Qawa'id Wa Furu' Fiqh Al-Shafi'iyyah*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, ms. 137.

<sup>7</sup> Abd Al-Majid Mahmud (t.t.), ms. 248.

<sup>8</sup> Abd Al-Majid Mahmud (t.t.), ms. 248-9.



## Garis Panduan Fuqaha' Dalam Berinteraksi Dengan Perbezaan Pendapat

Oleh Ustaz Dr. Muhammad Adib Termizi

### Pendahuluan

Allah taala telah menetapkan dan berkehendak kehidupan dunia ini berlatarbelakangkan perbezaan dan kepelbagaiannya. Ini dapat dilihat dalam budaya yang bermacam, bahasa yang berbagai, kepercayaan yang beragam, perkerjaan dan status masyarakat yang berjenis, perundangan yang berlainan dan seumpamanya.

Perbezaan ini tidak terbatas dalam aspek kehidupan duniawi sahaja tetapi meliputi kefahaman dalam beragama termasuk kefahaman dalam agama Islam.

Para ulama mempunyai pendapat yang bercambah dalam hukum fiqh, tafsir, status dan maksud sesebuah hadis, bahkan dalam perkara-perkara cabang dalam beberapa masalah akidah.

Kesemua ini adalah manifestasi terhadap firman Allah taala yang menunjukkan kehendakNya agar kehidupan ini mempunyai kepelbagaian dan perbezaan, seperti firmanNya, "Jika Tuhan kamu mengkehendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu, tetapi mereka sentiasa berselisih" (Hud, 118) dan "Sungguh, usahamu memang beraneka macam" (Al-Lail, 4).

Untuk merubah perbezaan pandangan dalam hukum fiqh kepada kesepakatan adalah satu perkara yang mustahil. Ia seumpama menentang arus ketentuan Allah taala kerana perbezaan dalam hukum fiqh telah wujud di kalangan para sahabat semasa wahyu masih diturunkan ke atas Nabi Muhammad s.a.w, seperti suruhan Nabi agar tidak mendirikan sembahyang Asar kecuali di perkampungan Bani Quraizah.

Sebahagian sahabat memahami arahan Nabi s.a.w ini secara literal, maka mereka tidak menunaikan sembahyang Asar kecuali di perkampungan Bani Quraizah, walaupun setelah matahari terbenam. Ada yang lain pula melihat kepada objektif arahan dan makna di sebaliknya iaitu keinginan Nabi s.a.w supaya para sahabat bersegera menuju ke perkampungan Bani Quraizah. Golongan ini mendirikan sembahyang Asar di pertengahan jalan ketika matahari hampir terbenam. Apabila perselisihan ini sampai ke pengetahuan Nabi s.a.w, Baginda tidak menyalahkan mana-mana golongan atau membenarkan sesiapa.

Aliran berfikir dan manhaj memahami nas syarak dari dua golongan sahabat ini dikenali di kemudian hari dengan Ahli Hadis dan Ahli Rakyat (Rasional). Kedua aliran ini terus berkembang sehingga tercipta beberapa mazhab fiqh yang mana pada akhirnya hanya kekal empat mazhab iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali.<sup>1</sup> Menyatakan sebuah mazhab adalah lebih baik dari yang lain atau lebih keras atau lebih menepati Sunah adalah satu ketaksubstan yang tercela dan boleh membawa kerosakan.

Perselisihan akan terus berlaku dan hidup dalam dunia kesarjanaan Islam. Seorang alim tidak bersetuju dengan ulama lain, pendapat seorang mufti dibantah oleh tokoh ilmuan masyarakatnya sendiri dan seumpamanya telah menjadi lumrah dan kebiasaan. Permasalahannya adalah bagaimana seharusnya masyarakat secara keseluruhannya menyantuni perbezaan ini, supaya tidak berlaku keceluaran, kebingungan dan tidak membawa kepada perpecahan serta perbalahan. Bagaimana hendak menjadikan perbezaan itu sebagai alat yang mengharmonikan antara aliran, kumpulan dan di antara pihak berwenang dalam urusan agama dan masyarakat Islam setempat.


Dalam hal ini, para ulama telah meletakkan beberapa kaedah bagi mencapai objektif ini.

## Garis panduan dalam berinteraksi dengan perselisihan fuqaha'

Dalam melestarikan keharmonian dalam sesebuah masyarakat dari dihancurkan oleh isu *khilafiyah*, para ulama telah menyebutkan beberapa kaedah untuk dijadikan panduan demi menjaga kesatuan ummah. Kaedah-kaedah ini dapat dibahagikan kepada tiga kategori.

*Pertama, berinteraksi dengan khilaf dalam amalan individu.*

Jika seseorang berhadapan dengan pelbagai pandangan dalam sebuah masalah, perlu dilihat terlebih dahulu apakah pandangan yang berbagaimana itu berasal dari satu mazhab (*intra-mazhab*) atau ia adalah dari mazhab yang berbeza (*inter-mazhab*).



Jika perbezaan pendapat itu dari kalangan para ulama satu mazhab, hendaklah seseorang itu mengikuti pendapat yang kuat (*rajih*) yang disebut juga dengan *qaul mu'tamad*.

Para ulama seperti Imam Al-Syatibi<sup>2</sup> dan Ibn Al-Hajib<sup>3</sup> telah menjelaskan bahawa seseorang itu wajib beramal dengan pendapat yang *rajih* dalam satu mazhab dan diharamkan beramal dengan pendapat yang tidak *rajih*.

Pendapat yang *rajih* dalam satu mazhab bersifat relatif untuk para mujtahid. Ini disebabkan sebuah pendapat yang *rajih* di sisi seorang mujtahid boleh dianggap *marjuh* oleh mujtahid yang lain. Dalam hal ini semua mujtahid dikehendaki beramal dengan

apa yang dipandang *rajih* hasil dari rumusannya yang berteraskan *zan ghalib*<sup>4</sup> (sangkaan hampir dengan yakin).

Bagi orang awam pula, dia seharusnya berpegang dengan manhaj pendapat *muktamad* dalam mazhabnya. Pendapat *muktamad* adalah sebuah fatwa yang dipandang *rajih* dalam sesebuah mazhab oleh mereka yang berkepakan dan berotoriti dalam pentarjhan melalui kaedah-kaedah tertentu yang telah dijelaskan oleh para ulama mazhab tersebut.

Sebagai contoh dalam mazhab Syafi'i, hendaklah didahului pendapat yang disepakati oleh Imam Al-Nawawi dan Al-Rafi'i. Jika mereka berdua berselisih, diambil pendapat Imam al-Nawawi. Seandainya Imam Al-Nawawi terdapat lebih dari sebuah fatwa dalam satu permasalahan, didahului pendapatnya yang dicatat dalam kitab *Al-Tahqiq*, kemudian *Al-Majmu'*, kemudian *Al-Tanqih*, dan diikuti urutannya hingga terakhir sekali adalah kitabnya *Nukat Al-Tanbih*.

Jika masalah itu tidak disentuh oleh kedua imam ini, terdapat kaedah dan manhaj yang perlu diikuti dalam mazhab Syafi'i bagi menentukan *qaul mu'tamad*.<sup>5</sup>

Jika perbezaan itu berlaku antara dua mazhab atau lebih, Imam Al-Sayuti telah menyebutkan sebuah kaedah yang digalakkan untuk diikuti iaitu, *Al-Khuruj Min Al-Khilaf Mustahab* (keluar dari perselisihan adalah disukai).<sup>6</sup>

Cara untuk keluar dari perselisihan ini adalah dengan mengamalkan pendapat yang lebih berat di antara pendapat-pendapat yang ada.

Seperti jika ada mazhab mengatakan harus melakukan sembahyang qasar pada pelayaran melebihi 44 km dan ada yang mengatakan harus qasar pada pelayaran melebihi 89 km, maka diambil pendapat kedua. Begitu juga jika ada yang mengatakan duduk tahiyyat awal adalah sunnah dan pendapat lain mengatakan ianya wajib, maka diamalkan pendapat yang mengatakan ianya wajib.

Para ulama telah membincangkan kaedah-kaedah yang sebaiknya diikuti dalam membuat pilihan antara pendapat-pendapat di antara mazhab ini yang disebut sebagai fiqh berjaga-jaga (*Fiqh Al-Ihtiyat*).<sup>7</sup> Kebaikan cabang ilmu fiqh ini adalah ia

dapat menjaga seseorang dari mengamalkan *tatabbu' al-rukhas* (mencari-cari hukum keringanan) yang diharamkan oleh kebanyakan ulama kerana boleh membawa kepada eksploitasi hukum syarak.

Sebagai contoh mengutamakan pendapat yang mengatakan makruh ke atas sunah seperti memotong kuku bagi orang yang hendak berkorban dan mengutamakan pendapat yang mengatakan batal daripada yang mengatakan sah seperti akad yang dilakukan ketika azan Jumaat berkumandang.

*Kedua, berinteraksi dengan khilaf di antara masyarakat.*

Tidak semua amalan anggota masyarakat lain khususnya yang berkait dengan hukum fiqah bertepatan dengan amalan kita. Sudah tentu juga akan berlaku perselisihan pandangan yang berkemungkinan disebabkan oleh perbezaan guru, aliran, mazhab dan seumpamanya. Perselisihan ini jika disertakan di dalamnya sifat "pendapat saya sahaja yang benar" akan membawa pertelingkahan dan perpecahan.

Memandangkan seriusnya perkara ini, Imam Malik telah merumus dengan kaedah *Mura'ah Al-Khilaf* (mengakui perselisihan) bagi menangani perselisihan amalan yang berlaku dalam masyarakat.

Secara mudah, kaedah ini bermaksud sesuatu hukum tidak harus disalahkan selagi ada ulama atau mazhab muktabar yang mengharuskan amalan.<sup>8</sup>

Kaedah ini menyerupai kaedah, *La Yunkar Al-Mukhtalaf Fih, Innama Yunkar Al-Mujma` Alaih* (Tidak diingkari perkara yang diperselisikan, tetapi diingkari perkara yang menyalahi ijmak)<sup>9</sup> atau dapat diringkaskan dengan lafadz, *`Adm Al-Inkar Al-Mukhtalaf Fih* (Tidak disalahkan perkara yang diperselisikan).

Sebagai contoh jika seorang berpendapat bahawa membaca doa qunut itu tidak sunnah, janganlah dia menyalahkan mereka yang berpendapat yang lain dari pendapatnya. Begitu juga yang sebaliknya.

Kaedah-kaedah ini membolehkan seorang mufti atau ulama memindahkan soalan yang diajukan kepadanya kepada mufti atau ulama lain (*ihalah al-mufti `ala ghairih*),<sup>10</sup> dengan beberapa sebab. Di

antara sebabnya ialah apabila hukum masalah yang ditanyakan di sisi pandangan atau mazhab mufti pertama dijangkakan dapat menimbulkan kesusahan pada orang yang bertanya. Oleh itu, dia boleh memindahkan masalah itu kepada mufti kedua di mana hukum bagi masalah tersebut di sisi mazhabnya lebih ringan dan dapat memberi jalan penyelesaian.

Misalnya jika seorang bertanya mengenai seorang soleh dan alim yang mana ibu dan ayahnya bernikah tanpa wali, apakah dikira orang soleh itu anak zina?

Jika pada mazhab mufti itu wali adalah sebahagian dari rukun nikah dan pernikahan tanpa wali tidak



sah yang mana membawa kepada anak-anak yang dilahirkan dari pernikahan itu adalah anak zina yang kemudiannya akan memberikan implikasi hukum terhadap orang soleh dan alim itu dari sudut kelayakannya sebagai imam, hakim, qadhi dan sebagainya, maka sebaiknya soalan ini dipindahkan kepada mufti yang bermazhab Hanafi yang tidak meletakkan wali sebagai salah satu rukun nikah.<sup>11</sup>

Contoh dari masalah kontemporari pula adalah pernikahan di atas talian, di mana para saksi tidak menghadiri secara fizikal dalam majlis akad nikah tersebut. Menurut mazhab Syafi'i, pernikahan seperti ini tidak sah kerana saksi di sisi mereka disyaratkan untuk hadir secara fizikal. Namun atas dasar kaedah *Mura'ah Al-Khilaf*, janganlah dihukumkan pernikahan seperti ini terbatal kerana di sisi mazhab Maliki saksi tidak termasuk dalam rukun nikah.<sup>12</sup>

Maka Muslim dituntut untuk menghormati amalan seseorang itu sebagai sah selama mana amalan itu wujud dalam sesebuah mazhab yang muktabar dan tidak mendoktrinkan pendapat mazhabnya dalam kehidupan orang lain supaya keharmonian dan silaturahim sesama Muslim terjaga.

*Ketiga, berinteraksi dengan khilaf terhadap fatwa rasmi.*

Institusi yang berwenang dalam mengeluarkan fatwa rasmi dalam sesebuah negara adalah simbol kesatuan umat Islam setempat dan lambang



kekuatan yang menaungi mereka. Ia memainkan peranan dalam membangun tamadun dan meraih maslahat sebanyak mungkin bagi masyarakat Islam yang berada di bawah naungannya. Institusi ini juga menjadi jurucakap bagi menuntut dan pertahankan hak kaum muslimin, membela syariatnya, menentang segala ideologi yang dapat menodai kesuciannya dari ajaran yang menyeleweng dan melampau. Secara ringkasnya ia memainkan dua peranan penting iaitu menjaga agama (*hifz al-din*) dan mengurus urusan dunia (*siyasat al-dunya*) masyarakat Islam setempat.

Oleh yang demikian kewibawaannya perlu dijaga secara bersama oleh setiap lapisan masyarakat Islam dengan memberi penghormatan yang sewajarnya, meraikan keputusan-keputusan yang diambil dan fatwa yang dikeluarkan. Institusi ini tidak sepatutnya diperlekehkan dan disindir di khalayak ramai dan media umum. Tiada

masyarakat yang berbuat demikian kecuali perpecahan akan menyelubungi mereka dan kekuatan serta kemuliaan akan menghindari dari mereka.

Ini tidak bermakna pandangan mereka tidak boleh dikritik atau mesti dianggap suci atau maksum. Penilaian semula terhadap fatwa yang telah dikeluarkan adalah satu perkara biasa dalam dunia fiqah sama ada fatwa di peringkat mazhab atau negara. Bahkan, terdapat fatwa yang ditarik semula setelah diperbetulkan. Hanya sahaja perkara ini perlu dilakukan melalui saluran yang betul dan oleh mereka yang berkelayakan agar keresahan, kebingungan dan pertelingkahan di antara masyarakat awam dapat dielakkan.

Pihak yang berwenang dalam mengeluarkan fatwa pula harusnya mewujudkan wadah yang sesuai bagi para ulama di dalam negeri untuk mengungkapkan perbezaan pandangan mereka sehingga ia dapat dibincangkan dan ditemukan huraian sebaiknya.

Memandangkan serangan terhadap fatwa rasmi secara terbuka mempunyai bahaya dan implikasi terhadap masyarakat awam, para ulama telah menggariskan beberapa kaedah yang pada zahirnya berbeza dari segi lafaz tetapi menjurus kepada makna yang sama. Di antara kaedah tersebut adalah:

1. Keputusan hakim mengangkat atau membatalkan khilaf (*Hukm Al-Hakim Yarfa` Al-Khilaf*)
2. Mazhab masyarakat awam, adalah mazhab muftinya (*Mazhab Al-'Amiy, Mazhab Muftih*).
3. Tiada mazhab bagi orang awam, mazhabnya adalah mazhab orang yang berfatwa di antaranya (*La Mazhab Lah, Innama Mazhabuh Mazhab Man Yufitih*)
4. Suruhan Imam mengangkat khilaf (*Amr Al-Imam Yarfa` Al-Khilaf*)
5. Keputusan hakim memutuskan pertelingkahan (*Hukm Al-Hakim Yaqta' Al-Niza'*)
6. Keputusan Hakim yang pada sangkaan kuatnya adalah hujah syarak adalah seperti bukti dan pengakuan (yang mesti diikuti).

Pada asalnya kaedah-kaedah ini (kecuali yang kedua dan ketiga) digunakan dalam bab kehakiman (*qada'*), namun para ulama menggunakan juga dalam bab fatwa. Kaedah-kaedah ini banyak dijelaskan oleh para ulama dalam kitab-kitab

mereka seperti Imam Al-Qarafi dalam kitabnya *Al-Furuq*.

Antara yang dikatakan oleh Imam Al-Qarafi,

"Keputusan hakim dalam masalah-masalah ijtihad semestinya mengangkat perselisihan yang ada. Mereka yang berselisih dengan (keputusan) hakim perlu menarik balik pandangannya dan hendaklah dia berpegang dengan keputusan hakim. Fatwanya yang lama (yang bercanggahan dengan keputusan hakim) juga perlu diubah setelah keputusan hakim itu keluar. Ini adalah pandangan yang sahih dari beberapa mazhab para ulama."<sup>13</sup>

Imam Al-Qarafi menggunakan istilah "sahih" bagi menunjukkan pendapat yang mengatakan pandangan seorang ulama yang bercanggahan dengan mufti boleh disebarluaskan adalah lemah, tidak boleh diamalkan.

Imam Al-Qarafi menyambung, "Dan wajib berpegang kepada satu pendapat setelah ada keputusan hakim.

Pendapat itu adalah apa yang diputuskan hakim mengikut lunas-lunas dan ketentuan syarak."<sup>14</sup>

## Penutup

Jika dasar-dasar di atas yang disebutkan oleh para fuqaha' Salaf dapat dijaga dengan baik oleh setiap lapisan masyarakat dari orang awamnya, asatizahnya, cendekiawannya dan sesiapa sahaja, nescaya perselisihan dalam hukum fiqh tidak akan menjadi penyebab perpecahan dan perbalahan antara satu dengan yang lain.

Kaedah-kaedah di atas dapat membawa masyarakat Islam untuk lebih memahami perbezaan pandangan ulama, mencetuskan rasa saling menghormati dan memahami serta menjadi tali yang tetap mengikat masyarakat Islam sebagai sebuah masyarakat yang harmoni, bersatu padu walau dengan kepelbagaian aliran fiqh di dalamnya.



<sup>1</sup>Irwan Subri (2017), *Evolusi Mazhab Fikh: Integrasi Wahyu dan Akal*, Malaysia: Inspirasi I Media, ms. 21.

<sup>2</sup>Ibrahim bin Musa Al-Syatibi (1997), *Al-Muwafaqat*, Mesir: Dar Ibn `Affan, jld. 5, ms. 140.

<sup>3</sup>Osman bin Umar bin Hajib (1985), *Muntaha Al-Wusul Wa Al-Amal*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, ms. 222.

<sup>4</sup>Mohd Hapiz Mahaiyadin et. al. (2021), "Analisis Keputusan Fatwa Tempatan Sewaktu Pandemik Covid-19 Menurut Kerangka Al-Tarakhus Fi Al-Fatwa", *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 26:2, ms. 118.

<sup>5</sup>Jakim (2018), *Garis Panduan Pengeluaran Fatwa Di Malaysia*, t.tpt: Jakim, ms. 8-11, di [http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/assets/files/garis\\_panduan/a7e239efb5ffed79171b923ee948c010.pdf](http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/assets/files/garis_panduan/a7e239efb5ffed79171b923ee948c010.pdf) (19 April 2022).

<sup>6</sup>Abdul Rahman Al-Suyuti (2015), *Al-Ashbah Wa Al-Nazair*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, ms. 207.

<sup>7</sup>Munib Syakir (1998), *Al-A`mal Bi Al-Ihtiyat*, Riyad: Dar Al-Nafais, ms. 69; `Abd Al-Qadir, Al-Sadiq dan

Kurniawan, Setiawan (2017), *Al-Ta`arud Wal Al-Tarjih Fi Al-Usul*, Negeri Sembilan: USIM, ms. 92.

<sup>8</sup>Mukhtar Qawadiri (2000), *Mura`at Al-Khilaf Wa Atharuh Fi Al-Fiqh Al-Islami*, Pakistan: International Islamic University Islamabad, ms. 77; `Ied `Abbasah (2007), *Qa`idat Mura`at Al-Khilaf Wa Atharuh Fi Al-Fiqh Al-Islami*, Algeria: Wahran University, ms. 93.

<sup>9</sup>Al-Sayuti (2015), *Al-Ashbah Wa Al-Nazair*, ms. 237.

<sup>10</sup>Ahmad bin Idris Al-Qarafi (1973), *Syarh Tanqih Al-Fusul*, Beirut: Syirkat Al-Fanniyyah Al-Muttahidah, jld. 1, ms. 444.

<sup>11</sup>Umar bin Ibrahim bin Nujaim (2002), *Al-Nahr Al-Faqi*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, jld. 2, ms. 202.

<sup>12</sup>Muhammad bin Ahmad bin Juzay (2005), *Al-Qawaniin Al-Fiqhiyyah*, Kaherah: Dar Al-Hadith, ms. 160.

<sup>13</sup>Ahmad bin Idris Al-Qarafi (T.t), *Al-Furuq*, Beirut: `Alim Al-Kitab, jld. 2, md. 103.

<sup>14</sup>Ibid.



## Six Excellent Attributes of Muslim Activist

By Ustaz Muhammad Haniff Hassan

### Introduction

Islam recognises the importance of social activism and works to change society for the better. Islam regards them as part of a *da`wah* work (sharing teachings of Islam to all) which is enjoined upon all Muslims. Thus, Muslims are encouraged to be involved in social activism as an extension of his responsibility to perform *da`wah*.

However, to be successful in the endeavour, Muslims must know that successful social activism depends on its human capital: the activists. They could be the professionals who are employed to run social organisations and their related programmes or the volunteers who commit their time, ideas and energy to social works. As such, the success of a Muslim's involvement in a particular *da`wah* work is dependent on his or her capacity as its human capital.

Excellent human capital needs to be nurtured and developed because Man, in general, is not born to be an excellent activist. The issue is therefore: What makes an excellent Muslim activist? Answering this question is critical because it would help Muslim individuals and organisations to develop and cultivate certain traits or attributes in themselves or the activists under their charge.

This article seeks to propose six attributes that would make excellent Muslim activists and, as a result, contribute to the creation of excellent

Muslim socio-*da`wah* organisations. They are as follows:

1. Having *da`wah* duty in mind
2. Having commitment to collective *da`wah* (*amal jama`ii*)
3. Continuously improving one's own self in the performance of good deeds
4. Being a capable leader
5. Being competent, skilled and expert in a particular field
6. Having an open, inclusive and universal mind and attitude.

Before that, it must be emphasised that the six proposed attributes must be seen as an addition to the following three fundamental principles of a Muslim:

1. Having the right *aqidah* (Islamic creed)
2. Observing the right practice of *ibadah* (Islamic rituals)
3. Embodying good *akhlaq* (Islamic morals/ethics)

### First attribute – Having *da`wah* duty in mind

A Muslim's commitment to social activism arises from the understanding that a good Muslim is not only a good/pious person (*soleh*) but also one who helps others to be good/pious (*musleh*). The latter becomes a key force behind a Muslim's contribution to social works.

However, the primary function of Muslims when undertaking social activism is not only to address society's social problems i.e. broken families, addiction to drugs, alcohol, gambling and porn, teenage delinquencies, poverty, domestic violence and a high crime rate. These

are important but they are also to be done with the *da'wah* duty in mind which must fulfill, at least, two criterias:

- That it seeks to bring people's attention to the beauty of an Islamic way of life
- That it is done in accordance to the examples set by the Prophet who is the best *da'i* (propagator) of Islam.

This mission should be held with an understanding that *da'wah* is:

- A duty that God has made obligatory upon every Muslims and that it should be performed to their best ability (see for examples the Qur'an, 3:104, 3:110, 12:108 and 16:125)
- An honourable task vested on all Prophets that Muslims should feel honoured to fulfil (see the Qur'an, 16:36 and 21:25)
- An important means to attain a place in Paradise and security from Hellfire (the Qur'an, 7:164 dan 36:20-26)

Therefore, an excellent Muslim would always strive to perform *da'wah* work in his or her every endeavours and to live with the following motto: "I live for *da'wah* and *da'wah* lives because of me".

#### **Second attribute – Commitment to collective *da'wah* ('*amal jama'i*)**

In addition to commitment to *da'wah* work, Muslims must also acknowledge that the work should be done as a collective effort for a greater and more significant impact. This is done not only for rational reasons but also because it is a divine injunction as mentioned in the Qur'an, "Indeed, Allah loves those who fight in His cause in a row as though they are a [single] structure joined firmly." (The Qur'an, 61:4)



The Qur'an narrates that even the Prophet's *da'wah* was executed via a collective and organised work. Prophet Isa a.s. was supported by the *Hawariyun* (The Qur'an, 61:14), Prophet Musa was assisted by his brother Prophet Harun a.s (The Qur'an, 20:29-32) and 70 disciples (the Qur'an, 7:155) and Prophet Muhammad s.a.w worked with his companions (The Qur'an, 48:18).

As such, an excellent Muslim activist would always situate his or her contributions within organisational works. He or she would constantly look for organisations that are relevant to his or her area of contribution, instead of doing it alone. In an organisation, he or she functions well as a team member regardless of his or her stature in the organisation. He or she seeks to understand the organisation's strategic and operational plan, its strengths and weaknesses and sees where his or her own strength can best contribute. He or she upholds discipline by observing organisational processes and protocols.

One should always seek to understand and appreciate the big picture or master plan and embed his or herself into it, rather than doing whatever that he or she thinks fit.

Indeed, working in an organisation brings together certain difficulties i.e. dealing with differences, adherence to seemingly petty processes and protocols and slower pace. However, the excellent Muslim activist finds strength in the divine mercy promised to believers who work together in the path of God, "The believing men and believing women are allies of one another. They enjoin what is right and forbid what is wrong and establish prayer and give zakah and obey Allah and His Messenger. Those - Allah will have mercy upon them (emphasis mine). Indeed, Allah is Exalted in Might and Wise." (The Qur'an, 9:71), outweighs the discomfort and difficulties.

**Third attribute –  
Continuously improve  
one's self in the  
performance of good  
deeds**

This attribute could be found in the Qur'anic verse that says, "And for all are degrees [i.e., positions resulting] from what they have done. And your Lord is not unaware of what they do." (The Qur'an, 6:132)

One of the meanings of the verse is that God allocates different stations for Muslims to strive to attain His pleasure in this world and in the Afterlife. The stations are described as "darajat" which implies horizontal hierarchy; where the higher one is placed, the better. Thus, Muslims must keep improving one's good deed quantitatively and qualitatively in his life to go higher in station and, as a result, be closer to God.

This is the trait that the Prophet s.a.w instilled in his companions, the first and best generation of Muslims. One example of it could be found in the story of Umar Al-Khattab r.a. who strived to constantly improve his good deeds by benchmarking them to his best friend Abu Bakr r.a as reported in hadiths:

- When the Prophet s.a.w. made a public appeal for donations to support a military mission, Umar said, "At that time I had some money. I said, 'Today I shall surpass Abu Bakr, if I am to ever surpass him on any day.' I therefore brought half of my wealth. The Messenger of Allah s.a.w asked, 'What have you left for your family?' I replied, 'The same amount.' Abu Bakr r.a brought all that he had with him. The Messenger of Allah s.a.w asked him, 'What have you left for your family?' He replied, 'I have left Allah and His Messenger for them.' Thereupon I said, 'I shall never



surpass him in anything.'" (Narrated by Al-Turmuzi and Abu Daud)

- Abu Bakr and Umar r.a. have heard the Messenger of Allah s.a.w praising the way Ibn Mas'ud r.a. recited the Quran, saying: "A person who wants to recite the Qur'an as tenderly as it was revealed should recite it in the same way as Ibn Um 'Abd does."

Umar r.a hurriedly went to Ibn Mas'ud's house at night to convey these glad tidings to him only to be told that Abu Bakr r.a. has already preceded him. Umar r.a. then said, "If he really did, then he usually does precede us in everything that is good. Whenever we compete against each other in goodness, Abu Bakr always wins!" (Narrated by Ahmad and Ibn Majah. See article Competition in Good Deeds, at islamweb.net)

Improvement involves various aspects such as knowledge, skills and conducts. However, one aspect that should be given greater importance is improvement in 'ibadah (rituals and devotional acts such as praying, fasting, zikr and reciting the Qur'an) as exemplified by the Prophet and his companions. They were very busy in performing da'wah works to people but were also intense in their personal 'ibadah. It was reported in a hadith that the Prophet's leg was found swollen by his wife Aishah r.a. due to the regular performance of prolonged night prayers. The Prophet's companions were also known as, "ruhban fi al-lail wa fursan fi al-nahar (monks in the night and knights in the day)".

The importance of continuous improvement in 'ibadah also arises from the fact that da'wah works are full of trials and tribulations as elucidated in stories of the Prophets in the Qur'an. This requires spiritual strength that, for Muslims, could be found in a strong connection with God via one's individual 'ibadah.

This attribute is best expressed in Muslim traditions, "He whose two days are equal is a loser". Thus, Muslim activists must strive to live a life of constant improvement, where today is better than yesterday and tomorrow will be better than today.

#### **Fourth – Being capable leader**


An excellent Muslim activist must be a capable leader.

This is based on the understanding that Islam enjoins Muslims to develop in themselves leadership qualities and to be ready to lead when the need arises. The theological basis to this is the Qur'anic verse that says, "And those who say, Our Lord, grant us from among our wives and offspring comfort to our eyes and make us a leader [i.e., example] for the righteous." (The Qur'an, 25:74).

Muslims are encouraged to recite this verse as a regular prayer (*du'a*) to God. In the said prayer, Muslims are to pray that God makes them capable leaders. Surely, this does not happen by a sheer miracle. Instead, it should be understood as a divine command for Muslims to acquire knowledge and skills that would enable them to lead others effectively.

Admittedly, there are *hadiths* that forbids Muslims from seeking leadership. One of them is, "Do not ask for a position of authority, for if you are granted this position as a result of your asking for it, you will be left alone (without God's help to discharge the responsibilities, and if you are granted it without making any request for it, you will be helped (by God in the discharge of your duties)." (Narrated by Muslim).

First of all, the hadith and its like should not be understood to absolutely forbid a Muslim from offering himself for a leadership position. There are rich debates among classical and contemporary 'ulama on the actual meaning of



such a prohibition. However, the constraint of space does not permit presenting them here. It is sufficient to say that the need for Muslims to develop leadership qualities in them and to be ready for leadership does not necessarily correlate with seeking leadership positions, what more being "power hungry". A Muslim may have proven leadership qualities but is humble from offering himself for a position of authority,

although he may not reject it when offered or avoid it when the pressing need arises. In contrast, a person may be too forthcoming for power, despite lacking leadership abilities.

The Prophet trained his companions for leadership roles. He showed them how to be good leaders through his conduct and interaction with them and assigned to those who are capable among them to suitable leadership roles such as being a military commander (i.e. appointment of Usamah bin Zaid to lead the military campaign against the Romans in Sham, or preaching Islam and collecting zakat in far-distant territories like how Mu'az bin Jabal was sent to Yemen and Mus'ab bin Umair to Yathrib before *hijrah*). He also chose companions to deputise him in managing the affairs of Madinah when he was away as seen in the appointment of Abdullah bin Um Maktum.

In this regard, three things then become important as part of the Muslim activist's personal development:

- Imparting knowledge of leadership from an Islamic perspective because knowledge helps to shape behaviour as much as practical experience
- Involvement in organisational works because leadership does not happen when one sets him or herself to be the "lone ranger"

- Exposure to various leadership role to gain practical experience

### Fifth – Being competent, skilled and expert

One has to be competent to be an excellent person. It is more so for Muslim activists because the Prophet s.a.w has said, “Allah loves skilled/expert/competent person.” (Narrated by Al-Tabarani), and “Allah loves to see his servant who does a job with *itqan* (meticulously).” (Narrated by Al-Tabarani).

It must be noted, however, that being competent is not about merely having a great number of skills and knowledge but more pertinently having those that are relevant to contemporary context.

The areas of competency that should be given attention are: Knowledge of contemporary ideas whether of a religious nature or otherwise along with technology, skills and traits.

To attain this attribute, a Muslim activist must constantly be aware of his or her environment. In contemporary times, this requires proficiency in the infocomm technology because it is the most efficient way to access information which makes a person more aware of current and future developments. Muslim should also be adaptive to the changes in his or her surrounding environment that has a potential impact on his or her current ideas, skills, traits and way of doing things. Competency calls for one to be dynamic and adaptable in his or her thoughts such that they correspond to the changes. Thus, being competent calls for the constant maintenance and upgrading of one's knowledge and skills in line with the idea of life-long learning.

### Sixth – Having an open, inclusive and universal mind and attitude



*Da'wah*'s primary objective is none other than what God, Himself, has decreed upon his Prophet Muhammad s.a.w in His revelation, “And We have not sent you, [O Muhammad], except as a mercy to the universe.” (The Qur'an, 21:107).

The verse sets two key principles for *da'wah*: a) to bring mercy, and b) doing so to all of God's creations.

God's creations include all mankind which is not limited to a person's specific race and locality and beyond in the form of animal and environmental conservation.

“Think global, act local” is a contemporary mantra that is applicable to Muslims in order to be excellent activists. Emphasis is needed in this regard because, in Singapore's context, Islam remains closely associated with Malays which makes up 80% of the Muslim population. This not only affects how non-Muslims perceive Islam but, unfortunately, also acts as a flawed indicator of how Islam should be practised i.e. the Malay way. The latter would influence a Muslim activist in many ways i.e. how he or she presents Islam, performs *da'wah* works, understands *da'wah* subjects, identifies opportunities and, as a result, inhibits his or her effectiveness.

This becomes more critical in contemporary times where the world has become a “global village” due to infocomm technological advancements and Singapore has become more cosmopolitan. The Muslim community in Singapore has become more diverse than before, if the population of Muslim expats and migrant workers are to be included.

This attribute must be manifested at four levels. The first level concerns the Muslims' openness to connect with non-Muslims as partners in social activism or as beneficiaries of social services.

The second level is about Singapore Muslim activists' openness to be more inclusive towards non-Malay and non-Singaporean Muslims in service outreach. The third level concerns Muslim activists' reaching out to groups who are still minimally reached out to by Muslim activists, such as people with special needs. The fourth level concerns how Muslims translate Islam's mercy mission to animals and environment which remains a neglected field.

Thus, a motto for an excellent Muslim activist in Singapore should be "beyond Malays, Muslims, Singaporeans and Man".

#### Closing remark

It is not enough for Muslims to be pious/good. In fact, in order to be good, Islam requires one to also strive also others to be pious/good persons too.

The act of inviting others to be pious/good is called *da'wah* and social activism is one important area for *da'wah* works.

In order to be good *da'wah* activists, it is not enough, to only profess the right 'aqidah, 'ibadah and akhlaq. To attain excellence, Muslim activists should also be instilled with six additional attributes suggested in the first and second part of the article which is 1) having *da'wah* duty in mind, 2) having commitment to collective *da'wah* (*amal jama'i*), 3) continuously improving one's individual self in performing good deeds, 4) being a capable leader, 5) being competent, skilled and expert, and 6) Having an open, inclusive and universal mind and attitude.

Acquiring these attributes requires initiative on the part of an individual Muslim as part of his or her personal development. At organisational level, it requires a systematic activist development and training programme. It is hoped that the article has

contributed in providing clarity and direction for Muslim individual and organisations.

